



## JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

### BORANG PENYERTAAN

#### PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO "BRUNEI PESTICIDE FREE"

KETERANGAN PESERTA	
Nama	
No. Kad Pintar	
Alamat Tetap	
No. Telefon	
Emel	
PENGAKUAN PESERTA	
<p>Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini.</p> <p>Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya juga bersetuju bahawa rekaan saya ini akan menjadi hak milik Jabatan dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.</p>	
Tandatangan	
Tarikh	

Nota:

Sila kembalikan borang yang telah lengkap beserta rekaan logo dan keterangan setiap elemen reka bentuk logo.

## **GARISPANDU PERTANDINGAN MENCINTA LOGO "BRUNEI PESTICIDE FREE"**

### **LATAR BELAKANG "BRUNEI PESTICIDE FREE"**

"Brunei Pesticide Free" adalah salah satu Program Pensijilan di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang bertujuan untuk:

1. Memberikan pengiktirafan kepada ladang yang mengamalkan perladangan tanpa penggunaan racun perosak tanaman;
2. Membantu dalam meningkatkan tarikan pasaran pada harga premium melalui penggunaan jenama dan label "Brunei Pesticide Free",
3. Mengurangkan risiko pendedahan sisa baki racun (MRL) perosak tanaman dari hasil tanaman kepada pengguna;
4. Meningkatkan keyakinan pengguna ke atas rangkaian yang membekalkan sumber makanan dari tanaman yang selamat dan bebas dari residu racun perosak; dan
5. Mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar (udara, air serta tanah) dari penggunaan racun perosak tanaman dan sekaligus memastikan kemampuan sektor pertanian.

### **OBJEKTIF PERTANDINGAN**

Mewujudkan label yang boleh menandakan pengiktirafan produk-produk pertanian yang bebas dari penggunaan racun kimia pertanian.

### **HADIAH**

Pemenang mereka cipta logo akan menerima sebanyak BND1,000.00 (Satu Ribu Ringgit Brunei sahaja) berserta Sijil Penghargaan.

### **SYARAT PENYERTAAN**

1. Pertandingan dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam;
2. Peserta dibenarkan menghantar seberapa banyak penyertaan dengan menggunakan satu (1) borang penyertaan yang lengkap;
3. Setiap reka cipta hendaklah asli dan belum pernah dipertandingkan. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hak cipta logo tersebut;
4. Huraian dan pengertian logo hendaklah disatukan dalam kertas secara berasingan.
5. Semua reka cipta hendaklah dihantar dalam bentuk:
  - a) *Hardcopy* pada kertas bersaiz A4. Peserta dikehendaki meletakkan makluman peserta di belakang kertas seperti berikut:

Nama Penuh:

No. Kad Pintar:

No. Telefon:

Emel:

- b) Digital *softcopy* logo hendaklah dihadapkan dalam bentuk “*unflattened / layered*” melalui softcopy dalam bentuk CD / DVD atau emel dalam format AI, PDF, TIFF atau PNG dengan memberikan link Google Drive atau Dropbox atau lainnya kepada:

**Emel: pesticide.free@agriculture.gov.bn**

**Subjek: PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO “BRUNEI PESTICIDE FREE”**

6. Logo hendaklah dicetak dengan ukuran reka bentuk fail digital dalam saiz minima 1000 pixel X 1000 pixel (300dpi) yang sedia untuk digunakan.

### ***SPESIKIKASI LOGO***

1. Bentuk adalah bebas;
2. Mudah (*simple*), *futuristic*, unik (*distinctive*) dan jelas;
3. Penggunaan warna bagi rekaan adalah tidak melebihi (04) warna termasuk hitam dan putih;
4. Logo hendaklah mengandungi perkataan “Brunei Pesticide Free” dalam tulisan rumi dan jawi.

### ***CIRI-CIRI KHUSUS YANG PERLU DICERMINKAN PADA LOGO***

1. Tiada penggunaan racun;
2. Produk tanaman yang berkualiti dan selamat;
3. Pengurusan ladang yang baik;
4. Ciri-ciri Kebruneian.

### ***HAKCIPTA***

1. Logo yang disertakan akan menjadi hak milik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan;
2. Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berhak mengubahsuai dan menambah logo serta huriaian logo (jika diperlukan).

### ***TEMPOH PERTANDINGAN***

1. Pertandingan dibukakan **selama dua (2) bulan** bermula **28 Ogos 2023 hingga 28 Oktober 2023**.
2. Peserta boleh mendapatkan borang penyertaan pertandingan, peraturan dan syarat penyertaan dengan memuat turun garis pandu pertandingan melalui laman web [www.agriculture.gov.bn](http://www.agriculture.gov.bn).

## **TARIKH TUTUP**

Borang penyertaan yang lengkap bersama ciptaan logo hendaklah dihadapkan tidak lewat daripada **hari Sabtu, 28 Oktober 2023, jam 3.00 petang** ke:

Urus Setia "Brunei Pesticide Free"  
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Jalan Muhibbah  
Airport Lama Berakas BB3510  
Negara Brunei Darussalam

## **PENILAIAN DAN KEPUTUSAN**

1. Keputusan adalah muktamad;
2. Setiap penyertaan akan dinilai oleh panel hakim yang dilantik oleh pihak pengajur;
3. Panel hakim berhak menolak mana-mana reka cipta logo yang kurang atau tidak menepati peraturan dan syarat penyertaan yang dinyatakan;
4. Hanya satu reka cipta logo akan dipilih untuk memenangi pertandingan. Pemenang akan menerima hadiah seperti yang dinyatakan di atas;
5. Pemenang pertandingan akan dihubungi melalui telefon atau emel sebaik sahaja panel hakim selesai membuat penghakiman.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi:

Urus Setia "Brunei Pesticide Free"  
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Negara Brunei Darussalam

No. Telefon: +673 238 8048  
Emel: [pesticide.free@agriculture.gov.bn](mailto:pesticide.free@agriculture.gov.bn)